

# PRUDENTIAL BSN

---

TAKAFUL

Sentiasa disisimu.





# PruBSN Anugerah

Mulakan langkah pertama untuk melindungi diri anda daripada perkara-perkara tidak terduga ketika anda menempuhi pengembaraan tanpa kerisauan dengan PruBSN Anugerah, satu pelan perlindungan mampu milik dan ringkas, yang dicipta khas untuk memenuhi segala keperluan anda. PruBSN Anugerah adalah sangat sesuai sebagai pelan perlindungan takaful pertama anda kerana PruBSN Anugerah membenarkan anda mengukuhkan perlindungan anda dengan beberapa pilihan rider dan mengubahsuai pelan perlindungan sehingga anda memperoleh pelan perlindungan, hanya untuk anda.



## Mampu Milik

Memastikan keluarga anda dilindungi sekiranya kejadian yang tidak diduga berlaku kepada diri anda, dari serendah RM50 sebulan.



## Boleh Suai

Tambahkan rider kepada pelan asas anda untuk perlindungan yang menyeluruh. Anda boleh memilih mana-mana rider, yang menawarkan perlindungan perubatan dan kesihatan dari kemasukan ke hospital ke Penyakit Kritikal.



## Ringkas

Satu pelan mudah yang menawarkan anda perlindungan berasaskan tempoh perlindungan yang anda pilih dan jumlah sumbangan yang dibayar.

## CIRI-CIRI PRODUK

Manfaat Kematian	Sekiranya berlaku kematian sebelum tamat tempoh perlindungan, kami akan membayar mana-mana yang lebih tinggi: <ul style="list-style-type: none"><li>• Jumlah Perlindungan Asas; atau</li><li>• Jumlah amaun dalam Akaun Khas Individu (ISA)</li></ul>
Jumlah & Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh	Sekiranya berlaku TPD, kami akan membayar Jumlah Risiko. <i>Nota: Jumlah Risiko adalah amaun di mana jumlah perlindungan asas melebihi baki ISA anda. Sekiranya tiada lebih daripada jumlah perlindungan yang melebihi baki ISA anda, jumlah risiko adalah sifar. Perlindungan TPD adalah sehingga umur 70 tahun dan tertakluk pada jumlah maksimum RM4 juta bagi setiap orang yang dilindungi.</i>
Umur Kemasukan	1 hingga 70 tahun (umur pada tarikh lahir akan datang) <i>Nota: Untuk umur tamat tempoh pada 70 tahun, usia kemasukan maksimum adalah 60 tahun pada hari lahir akan datang.</i>

<b>Tempoh Manfaat</b>	Pilih untuk dilindungi sehingga umur 70 tahun atau 100 tahun. <i>Jumlah Perlindungan Minimum ialah RM25,000. Jumlah Perlindungan Maksimum tertakluk kepada pengunderaitan.</i>
<b>Sumbangan</b>	Sumbangan minimum adalah bergantung kepada pilihan jumlah perlindungan asas, tempoh manfaat dan kekerapan sumbangan (bulanan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan). Kadar sumbangan berbeza mengikut umur kemasukan, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, umur tamat tempoh dan keadaan kesihatan.

## LENKAPKAN PERLINDUNGAN ANDA

Dapatkan perlindungan menyeluruh sekiranya berlaku keperluan perubatan, Penyakit Kritikal dan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD).

<b>Medic Protector</b>	Rider ini menyediakan sokongan kewangan sekiranya ada kemasukan ke hospital dan pembedahan atau rawatan pesakit luar yang terpilih dan anda juga akan menerima perlindungan tertinggi bagi Penyakit Kritikal yang tertentu.
<b>Crisis Protector</b>	Rider ini membayar satu jumlah sekaligus apabila disahkan menghidap mana-mana daripada 36 penyakit kritikal. Jumlah perlindungan asas anda tidak akan terjejas dengan pembayaran manfaat ini.
<b>Income Protector</b>	Rider ini membayar satu jumlah perlindungan tahunan (pendapatan) apabila anda disahkan menghidap penyakit kritikal atau kehilangan upaya kekal sebelum umur 70 tahun. Bayaran manfaat tahunan ini dibuat pada setiap ulang tahun tuntutan sehingga umur tamat tempoh, atau tarikh kematian, yang mana lebih awal.

## CAJ-CAJ DAN POTONGAN

### Caj Wakalah Pendahuluan

Caj ini membolehkan kami membayar komisen dan perbelanjaan berkaitan pengagihan serta perbelanjaan pengurusan. Peratusan yang ditunjukkan di bawah berdasarkan tempoh sumbangan selama 20 tahun dan ke atas. Bagi tempoh kurang daripada 20 tahun, sila rujuk kepada Ilustrasi Pelan.

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	≥11
Caj Wakalah Pendahuluan	75%	60%	40%	35%	20%	20%	10%	10%	10%	10%	0%

*Nota: Caj wakalah pendahuluan adalah terpakai untuk PruBSN Anugerah dan rider-rider yang dilampirkan kecuali Medic Protector. Sila rujuk brosur Medic Protector bagi mengetahui caj wakalah pendahuluannya.*

## Caj Sijil Wakalah

Caj ini meliputi kos pentadbiran sijil anda. Caj Sijil Wakalah untuk setiap kekerapan sumbangan adalah seperti berikut:

Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahun	Bulanan
RM48	RM24	RM12	RM4

### Tabarru'

Tabarru' dipotong setiap bulan daripada ISA anda ke dalam Dana Tabarru' untuk perlindungan takaful anda. Tabarru' untuk perlindungan takaful berbeza mengikut umur pada hari lahir akan datang, jantina, status merokok, kelas pekerjaan, pengkadaran perubatan, dan jumlah risiko. Tabarru' akan meningkat apabila umur anda meningkat.

Tabarru' bermaksud derma sebahagian nilai tertentu daripada sumbangan ke dalam Dana Tabarru' bagi tujuan saling membantu di kalangan peserta mengikut manfaat-manfaat yang dipersetujui di bawah pelan tersebut.

*Nota: Sekiranya tiada lebih daripada jumlah perlindungan yang melebihi baki ISA anda, jumlah risiko adalah sifar. Maka, tiada pemotongan Tabarru' akan dilakukan.*

## NOTA-NOTA PENTING

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelan ini dan rider pilihan, sila rujuk kepada Ilustrasi Pelan dan Lampiran Keterangan Produk sebelum menyertai pelan ini.
2. Pulangan daripada ISA anda, jika ada, akan berdasarkan kepada prestasi sebenar dana-dana dan ia tidak dijamin.
3. Risiko pelaburan dana tersebut ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang anda bayar.
4. Jika anda berhenti membayar atau tertinggal membayar sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum tamat tempoh. Sijil anda akan tamat sekiranya amaun ISA tidak mencukupi untuk membayar Tabarru' dan caj-caj lain.
5. Kadar sumbangan dan Tabarru' dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN berhak menyemak semula sumbangan, kadar Tabarru' dan/atau caj lain dengan memberi notis bertulis 90 hari dan 30 hari untuk Medic Protector.
6. Untuk PruBSN Anugerah, anda berhak menerima pelepasan cukai berhubung dengan sumbangan anda sehingga RM6,000. Sebarang pelepasan cukai tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

7. PruBSN Anugerah adalah berasaskan model Wakalah-Mudarabah, yang membenarkan PruBSN untuk menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan bagi caj-caj yang dinyatakan di atas. Sumbangan anda akan dimasukkan ke dalam ISA selepas pemotongan caj wakalah pendahuluan. Perlindungan takaful (bersamaan dengan jumlah risiko) dibayar dari Dana Tabarru'. Sebagai tambahan, konsep Mudarabah membolehkan mana-mana keuntungan pelaburan hasil daripada ISA dikongsi antara PruBSN dan anda. Anda akan menerima 80% daripada keuntungan pelaburan, sementara kami akan menerima bakinya sebanyak 20%. Bahagian keuntungan anda akan dimasukkan semula ke ISA anda. Jika terdapat kerugian pelaburan daripada ISA, kerugian ini akan ditanggung sepenuhnya oleh anda.
8. PruBSN Anugerah tidak menyediakan manfaat daripada Dana Tabarru' pada penamatan, tamat tempoh atau kematangan sijil.
9. Anda berhak menerima sebarang agihan lebih daripada Dana Tabarru' termasuk keuntungan pelaburan (jika ada). Bersama para peserta lain, anda berhak menerima 50% daripada lebih tersebut dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai insentif untuk menguruskan Dana Tabarru'. Bahagian lebih agihan anda akan dimasukkan semula dalam ISA anda. Amaun agihan lebih sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk pada kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
10. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

*Nota: Maklumat lanjut mengenai perlindungan dan manfaat bagi rider pilihan boleh didapati dalam Lampiran Keterangan Produk yang harus dibaca dengan teliti sebelum anda menyertai pelan tersebut.*

## **PENGECUALIAN**

PruBSN Anugerah tidak melindungi sebarang situasi yang berikut:

1. Kematian akibat membunuh diri dalam tempoh satu tahun daripada tarikh sijil.
2. TPD yang berlaku secara langsung ataupun tidak langsung yang disebabkan oleh percubaan bunuh diri atau mencederakan diri sendiri yang disengajakan dalam keadaan waras atau tidak waras.
3. Melakukan atau percubaan untuk melakukan kesalahan jenayah oleh Orang Yang Dilindungi seperti salah guna dadah atau bahan perangsang atau kesan-kesan daripadanya.
4. Terlibat dengan perang atau sebarang tindakan agresif, termasuk pencerobohan, tindakan negara asing, tindakan musuh (sama ada dengan atau tanpa pengisytiharan perang), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, perampasan atau campur tangan pihak tentera.
5. Terlibat dalam sukan profesional, penyelaman skuba, dan apa jua bentuk perlumbaan, penerbangan aerial selain sebagai ahli krew atau penumpang dengan tambang berbayar dengan pesawat komersial yang berlesen untuk membawa penumpang dan beroperasi pada laluan berjadual berkala atau mana-mana aktiviti atau sukan berbahaya (termasuk terjun lelabah, peluncuran udara, terbang dalam belon, penggunaan payung terjun, terjun udara), kecuali kami bersetuju dalam suatu pemakluman khas.
6. Apa-apa pra-syarat yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan Orang Yang Dilindungi. Perkara ini termasuk dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh sijil berkuatkuasa. Apa-apa pra-syarat yang tidak didedahkan kepada kami selepas dua belas (12) bulan akan dikendalikan mengikut Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.

# PRUDENTIAL BSN

## TAKAFUL


PruBSN Anugerah adalah produk yang berdasarkan Shariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:


**PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD** (740651-H)

Level 8A, Menara Prudential, No. 10, Jln Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur.


 03 2053 7188

 03 2072 6188

 [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)

 SMS PruBSN dan hantarkan kepada **33080**

 [www.facebook.com.my/prubsn](http://www.facebook.com.my/prubsn)

 [www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad](http://www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad)

AHLI



**Penting:** Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

*Semua maklumat adalah betul semasa percetakan. Diterbitkan September 2018.*